


<https://news.usm.my>

Berita Mutakhir ▼


11  
JUL

## BEKERJA BERSAMA-SAMA UNTUK UNIVERSITI



NIBONG TEBAL, 10 Julai 2015 - Warga Universiti Sains Malaysia (USM) diseru untuk bekerja lebih kuat dan bersama-sama memainkan peranan untuk pembangunan universiti melalui pengurusan dan pentadbiran yang cemerlang untuk membawa universiti lebih ke hadapan.



Naib Canselor USM Profesor Dato' Dr. Omar Osman berkata demikian ketika berucap di Majlis Berbuka Puasa dan Sumbangan Kasih Ramadhan Menjelang Aidilfitri Kampus Kejuruteraan di Ruang Legar Pusat Islam, di sini, hari ini.




Jelas Omar, USM menjadi wadah perpaduan dan kekuatan ummah melalui pelbagai aktiviti yang diadakan seperti bergotong royong mengadakan majlis iftar yang mampu memberi impak yang amat positif dalam merapatkan semangat ukhwah, bekerjasama dan tolong-menolong dalam kalangan warganya.

"Universiti amat prihatin terhadap peranan yang dimainkan oleh warga USM keseluruhannya dalam bersama-sama membangun dan menaikkan nama universiti," ujar Omar lagi.

Naib Canselor kemudiannya menyampaikan sumbangan Kasih Ramadhan berupa makanan dan barangan keperluan asas kepada 41 orang yang terdiri daripada pencuci kontrak dalam Kampus Kejuruteraan serta masyarakat sekitar kampus yang dikenalpasti sebagai tidak berkemampuan.



Pada majlis yang sama, Penghargaan Khas turut diberi kepada Pengarah Pejabat Pengurusan dan Kreativiti Penyelidikan (RCMO), Profesor Dr. Lee Keat Teong dan Penolong Pegawai Farmasi dari Unit Kesihatan Kampus Kejuruteraan, Anis Shuhada Soon Abdullah yang banyak memberi sumbangan melalui potongan gaji untuk kebajikan warga USM Kampus Kejuruteraan.



Hadir sama ialah Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) Profesor Dato' Dr. Muhamad Jantan dan isteri Datin Suraiya Kassim; Pengarah Pusat Islam Profesor Dato Dr. Muhammad Idris Saleh; Pengarah Kampus Kejuruteraan Profesor Dr. Zainal Arifin Mohd Ishak serta dekan-dekan dan pegawai-pegawai utama universiti. - Teks: Siti Naquiah Abdillah



Share This

**Pusat Media dan Perhubungan Awam / Media and Public Relations Centre**

Level 1, Building E42, Chancellory II, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, Pulau Pinang Malaysia

Tel : +604-653 3888 | Fax : +604-658 9666 | Email : [pro@usm.my](mailto:pro@usm.my) (<mailto:pro@usm.my>)

Laman Web Rasmi / Official Website : [Universiti Sains Malaysia \(http://www.usm.my\)](http://www.usm.my)

[Client Feedback / Comments \(http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp\)](http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp) | USM News Portal. Hakcipta Terpelihara USM 2015